

# CERAMAH AMANITA PERINGKAT PANGKALAN UDARA SUBANG



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2718-ceramah-amanita-peringkat-pangkalan-udara-subang](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2718-ceramah-amanita-peringkat-pangkalan-udara-subang)

SUBANG, 20 Nov 17 - Satu ceramah mengenai kesedaran Program AMANITA peringkat pangkalan telah dilaksanakan di Dewan Auditorium, No 22 Skn, Pangkalan Udara Subang. Pihak AMANITA ATM telah menjemput khas 2 orang Penceramah pada hari tersebut iaitu ASP Francisca Duliat dari Bahagian D 11, Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Kontinjen Selangor (IPK Shah Alam) yang merupakan ASP Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-kanak. Manakala penceramah kedua adalah Cik Nur Izati binti Naim dari Agensi Antidadah Kebangsaan Wilayah Persekutuan KL dan Putrajaya yang merupakan sebagai Penolong Pengarah Cawangan Pencegahan & Kesedaran Awam.



Ceramah tersebut telah dihadiri oleh 90 peserta yang terdiri daripada pegawai dan anggota wanita ATM yang berkhidmat di PU Subang dan unit lojer. Ceramah ini bertujuan memberi pededahan kepada pegawai dan anggota wanita ATM mengenai jenayah seksual di kalangan kanak-kanak dan wanita. Selain itu, melalui ceramah ini juga, para peserta telah diberi penerangan mengenai bahaya penyalahgunaan dadah dan kesan kepada masyarakat sekeliling terutama sekali kepada golongan kanak-kanak dan wanita. Bukan itu sahaja, Program Amanita juga merupakan salah satu program pencegahan jenayah kerjasama di antara ATM dan PDRM.

Adalah amat diharapkan agar Program AMANITA di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru (NBOS) yang bertujuan mengurangkan kadar jenayah melalui penglibatan kaum wanita dapat diteruskan lagi pada masa hadapan. Selain itu, melalui program ini, adalah amat diharapkan agar anggota wanita ATM dan PDRM dapat bekerjasama dalam memerangi jenayah yang berlaku di sekeliling kita terutama sekali yang melibatkan golongan kanak-kanak dan wanita.